

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh petani di Daerah Kerian akibat serangan padi 'Bom' atau bena perang pada tahun 2020 dan 2021 dan apakah usaha Kementerian mengatasi masalah serangan padi 'Bom' atau bena perang di Daerah Kerian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bena perang merupakan serangga perosak yang sentiasa berada di kawasan tanaman padi. Serangan bena perang bermula daripada peringkat semaian sehinggalah kepada peringkat padi berbuah, yang mana serangan yang teruk mampu mengakibatkan pokok menjadi kering yang dipanggil '*hopperburn*' dan mati.

Penggunaan baja urea dan racun serangga yang berlebihan boleh mendorong kepada berlakunya wabak dengan meningkatkan

## SOALAN NO. 45

pembiakan bena perang, dan mengurangkan populasi musuh semulajadi bena perang.

Kehadiran bena perang ini perlu dikawal di petak tanaman padi agar tidak melebihi paras ambang ekonomi (*Economic Threshold Level-ETL*). Serangan bena perang yang teruk mampu mengakibatkan hasil padi berkurangan sehingga 60% dan menyebabkan kerugian kepada petani sekiranya tiada langkah pemantauan, pencegahan serta kawalan di peringkat awalan.

Serangan bena perang di Daerah Kerian bagi tahun 2020 dan 2021 melibatkan tiga musim penanaman padi dengan keluasan sebanyak 226 hektar. Ianya melibatkan kawasan seluas 42 hektar pada Musim 1/2020, 138 hektar pada Musim 2/2020 dan 46 hektar pada Musim 1/2021. Bilangan petani yang terkesan akibat serangan perosak bena perang bagi tiga (3) musim tersebut adalah seramai 285 orang iaitu 54 orang (Musim 1/2020), 168 orang (Musim 2/2020) dan 63 orang (Musim 1/2021). Jumlah keseluruhan kerugian akibat serangan bena perang ini dianggarkan berjumlah RM216,000.00.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian dan Pejabat Pertanian Daerah Kerian telah melaksanakan beberapa tindakan serta langkah kawalan bagi menangani masalah serangan bena perang tersebut.

Antara langkah yang sedang dan akan diteruskan bagi memastikan serangan bena perang dapat dielakkan serta terkawal pada musim penanaman akan datang adalah seperti berikut :

- I. Melaksanakan aktiviti bancian pengesanan dan ramalan untuk mengesan kehadiran bena perang di sepanjang musim penanaman. Aktiviti pemantauan juga dilakukan oleh petani terlatih menerusi Kumpulan Briged Kerja yang ditubuhkan bersama Agen Pengembangan Tanaman (APT) kawasan. Empat (4) Kumpulan Briged Kerja yang terdiri daripada 30 orang petani telah diaktifkan

## SOALAN NO. 45

kembali dan diberi latihan menerusi kursus dan '*hands-on*' untuk membantu kerja pengawasan dan pengesanan awal serangan bena perang dan perosak lain;

- II. Mengamalkan kaedah Pengurusan Perosak Secara Bersepadu (*Integrated Pests Management* - IPM) bagi pengawalan perosak secara lestari dan mengurangkan penggunaan racun serangga. Antaranya adalah menerapkan teknologi kejuruteraan ekologi (*ecological engineering*) seperti menggalakkan penanaman tanaman berfaedah dan penghalau serangga (*'repellant'*). Sebagai contoh, menanam pokok turnera dan pokok rose Jepun di sekitar petak sawah bagi menggalakkan kehadiran musuh semula jadi. Melalui kaedah ini, ianya mampu mengurangkan kebergantungan petani kepada penggunaan racun kimia yang berbahaya terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar;
- III. Melaksanakan Amalan Pertanian Baik yang memastikan sistem pengurusan sumber di dalam pengeluaran padi lebih teratur dan sistematik yang dapat meningkatkan produktiviti ladang serta menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti. Pesawah juga digalakkan untuk menanam padi menggunakan pengesyoran seperti di dalam '*Rice Check*' yang dikeluarkan oleh DOA bagi meningkatkan hasil padi di Daerah Kerian;
- IV. Memberikan bimbingan dan latihan menerusi pelbagai kursus/ceramah berkaitan Amalan Pertanian Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) dan penggunaan racun secara berhemah yang telah dianjurkan oleh DOA, LPP, IADA Kerian dan agensi yang berkaitan. Sehingga kini, sebanyak 31 kursus/latihan telah diadakan melibatkan seramai 358 orang petani; dan
- V. Melaksanakan pelbagai kempen kawalan perosak menerusi pendekatan IPM dan Program Penemusuaan bersama petani dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.